

# Pencalonan Kubang Pasu: PM berkecuali

UM - 2 APR 2000

Oleh SITI  
HANIZA ABDUL RAHMAN

SUBANG 1 April - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pencalonan UMNO Bahagian Kubang Pasu bagi tiga jawatan Naib Presiden bukanlah petunjuk bahawa ia adalah pilihannya yang harus diikuti oleh perwakilan pada perhimpunan agung parti Mei ini.

Perdana Menteri berkata, beliau bersikap berkecuali dalam pemilihan yang dijalankan oleh perwakilan bahagian yang diterajui-nya, malahan tidak memberi apa-apa nasihat kepada mereka berhubung soal pencalonan.

UMNO Bahagian Kubang Pasu yang bermesyuarat Khamis lalu mencalonkan semula penyandang jawatan Naib Presiden iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib serta mencalonkan Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi jawatan itu.

Dr. Mahathir yang juga Presiden parti menegaskan: "Saya bersikap berkecuali dan tidak terlibat langsung dalam pencalonan. Saya mengundi dalam kertas undi saya... kertas undi orang lain saya pun tak tengok dan saya tak tahu."

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta

mengulas andaian sesetengah pihak kononnya ketiga-tiga nama bagi jawatan Naib Presiden yang dicalonkan oleh UMNO Kubang Pasu itu merupakan calon yang mendapat persetujuan daripada Presiden parti.

Beliau ditemui pemberita

di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini bagi menyambut kepulangan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, setelah mengadakan lawatan empat hari ke Iraq.

Dr. Mahathir menambah, dalam soal pencalonan ja-

watan berkenaan, pemilihan dibuat oleh para perwakilan dan beliau telah memberi kebebasan sepenuhnya kepada mereka untuk memilih calon yang mereka suka.

"Ia merupakan pandangan daripada perwakilan.

Mereka yang buat pemilihan dan tidak meminta nasihat daripada saya, kalau mereka minta pun saya tidak bagi.

"Saya bag-i kebebasan penuh bagi mereka untuk membuat pencalonan dan setiap undi adalah sulit," ujarnya.